

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

HIS 315 – Mu‘amalat: Konsep dan Pelaksanaan

[Masa: 3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja. SATU [1] soalan daripada setiap bahagian A, B dan C dan pilih SATU [1] soalan lagi daripada mana-mana bahagian.

Bahagian A:

1. Jawab TIGA [3] sahaja daripada perkara-perkara di bawah:
 - [a] Huraikan empat [4] pengertian *al-Haq* menurut bahasa.
 - [b] Berikan dua [2] contoh *al-Haq* bagi membezakan ‘harta milikan’ dan ‘sesuatu milikan’.
 - [c] Apakah yang dimaksudkan dengan ‘harta tidak alih’? Beri contoh harta tersebut dan terangkan hukumnya menurut mu‘amalat *al-Haq*.
 - [d] Kenapakah takrif *al-Haq* menurut Mustafa al-Zarq‘a dikatakan yang terbaik dan menyeluruh oleh Sarjana Perundangan Islam?
2.
 - [a] Nyatakan hukum-hakam tentang ‘Haq Allah’.
 - [b] Nyatakan *al-Haq* pada hak manusia yang tidak boleh digugurkan.
 - [c] Nyatakan ‘hukum’ dan ‘tempat perkiraan *al-Haq*’ bagi mu‘amalat- mu‘amalat berikut:
 - [i] Ahmad telah membayar harga sewa rumah untuk bulan November 1999. Tiba-tiba rumah itu terbakar pada 5 November 1999.
 - [ii] Ali bercadang untuk membayar hutangnya kepada Mahbub daripada hasil tanaman padinya dalam tahun 1998. Tiba-tiba padi berkenaan rosak semuanya kerana ditenggelami banjir besar.

Bahagian B:

3. Istilah Ekonomi Islam didasar kepada beberapa teori dan konsep yang difahami menerusi dalil-dalil syarak. Bincangkan pemahaman ekonomi yang boleh dipelajari menerusi dalil-dalil di bawah:
- [a] Maksud al-Hadith:
- “Sesungguhnya semua pekerjaan tertakluk pada niat dan hasil kerja (balasan) berlaku berdasar kepada usaha dan kerja-kerja menurut niat pelaku”.
- [b] Maksud firman Allah (al-Saf: 10):
- “Wahai mereka yang beriman! Adakah (kamu menyedari) aku (Allah) tunjuk kepada kamu perniagaan yang menyelamatkan kamu daripada azab dan siksaan yang pedih”.
4. Huraikan dengan jelas dan terperinci ‘Prinsip Tetap’ bagi maksud Ekonomi Islam.

Bahagian C:

5. Huraikan Jual Beli menurut Islam secara terperinci.
6. Jawab soalan-soalan di bawah:
- [a] Nyatakan hukum Pinjam Meminjam dan rukun-rukunnya.
- [b] Nyatakan perbezaan antara Syarikat ‘Inan dan Syarikat Kerja.